

Turun hantaran PM: Meta dituntut mohon maaf

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan menuntut beberapa perkara termasuk penjelasan terperinci berhubung tindakan pihak Meta Platforms Inc (Meta) yang menurunkan beberapa hantaran di platform Facebook dan Instagram milik Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tuntutan itu termasuk permohonan maaf secara terbuka perlu dibuat selepas tindakan terbaharu Meta yang turut menyekat siaran langsung menerusi Facebook melibatkan akaun Berita RTM yang menyiarkan Himpunan Pembebasan Palestin malam semalam.

Perkara itu antara dicapai selepas pertemuan dua jam melalui Bahagian Media dan Komunikasi Strategik Pejabat Perdana Menteri yang memanggil Meta untuk memberikan penjelasan.

Keputusan unilateral syarikat itu untuk menapis kandungan tanpa pertimbangan terhadap konteks hantaran, jelas menimbulkan persoalan tentang ketelusan dalam dasar penapisan kandungan Meta.

“Pejabat Perdana Menteri menzahirkan rasa jelik terhadap tindakan Meta menurunkan hantaran Perdana Menteri



FAHMI Fadzil bersama beberapa wakil Meta mengadakan perbincangan di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI/SADIQ ASYRAF

menzahirkan ucapan takziah dan penghormatan terhadap Asy Syahid Ismail Haniyeh yang dibunuh baru-baru ini.

“Tindakan Meta itu sebagai satu bentuk diskriminasi, sikap tidak adil dan menyekat kebebasan berpandangan,” kata kenyataan Pejabat Perdana Menteri semalam.

Pertemuan itu turut disertai Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil dan Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din bersama tiga

orang wakil Meta.

Kata kenyataan itu, tindakan penurunan hantaran itu adalah penghinaan terhadap perjuangan sah rakyat Palestin menuntut keadilan dan hak asasi manusia.

Malah, ia memberi kesan mendalam kepada rakyat Malaysia dan masyarakat dunia yang memahami penderitaan rakyat Palestin dan menentang kezaliman rejim Zionis Israel seperti terpahat dalam lipatan sejarah.

Meta sebelum ini diberi peri-

ngatan tegas supaya tidak menjadi bacul dan perkakas kepada rejim zalim Zionis Israel selepas sekali lagi menurunkan hantaran media sosial berhubung pembunuhan Ketua Biro Politik Hamas itu.

Menyifatkan tindakan berkenaan sebagai tidak masuk akal, Perdana Menteri berkata, penyedia platform media sosial itu biadab dan menghina rakyat Palestin apabila menurunkan hantaran video dan ucapan takziah serta kritikan terhadap pejuang tersebut.